



Rujukan : UKM 3.5 / 245 / 3 / 6

Tarikh : Oktober 2007

**Y. Bhg. Dato' Naib Canselor**  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Bangi, Selangor Darul Ehsan

*Assalamualaikum w.b.t.*

Y. Bhg. Dato',

**GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK DI BANGUNAN CANSELORI, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM DAN ATMA**

Saya dengan segala hormatnya ingin merujuk Y. Bhg. Dato' kepada perkara di atas.

Dimaklumkan satu kerosakan kabel voltan tinggi telah berlaku di antara Pencawang Utama 11KV di Kolej Dato' Onn ke Bangunan Canselori. Ini telah menyebabkan gangguan bekalan elektrik ke Bangunan Canselori sendiri dan juga Bangunan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Matematik dan Geologi dan Kolej Aminudin Baki.

Pada jam 9 pagi bekalan untuk bangunan-bangunan berkenaan telah berjaya dipulihkan tetapi bekalan hawa dingin ke bangunan-bangunan tersebut terpaksa dimatikan buat sementara waktu kerana bekalan yang mampu dibekalkan amat terhad. Namun bagi bangunan Canselori kami hanya mampu memberikan bekalan dari janakuasa tunggusedia sahaja dan bekalan hawa dingin dari pusat juga terpaksa dimatikan. Ini tidak termasuk bangunan Fakulti Pengajian Islam dan bangunan ATMA. Bekalan elektrik untuk Bangunan Canselori, Fakulti Pengajian Islam dan ATMA dijangka akan dapat dipulihkan pada petang ini.

Kerja-kerja pembaikan sedang kami jalankan dan dijangka pulih kira-kira tengahari esok (23 Oktober 2007). Bangunan-bangunan lain yang terpaksa dimatikan bekalan hawa dingin termasuk juga Bangunan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Biologi, Fizik dan Bangunan Kimia.

Sekian untuk makluman Y. Bhg. Dato' dan atas kesulitan yang timbul amatlah dikesali dan kami memohon sebanyak-banyak maaf. Terima kasih. Wassalam.

Yang benar,

.....  
**Ir. ISHAK HJ. ARSHAD**  
Pengarah



**Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006**  
*Winner of Prime Minister's Quality Award 2006*

- s.k.
- Pendaftar, UKM
  - Bendahari, UKM
  - Timbalan Pendaftar (Akademik)  
Bahagian Pengurusan Akademik, UKM
  - Ketua Penolong Pendaftar Canselori, UKM
  - Pengarah,  
Pusat Pembangunan Akademik, UKM
  - Ketua  
Pejabat Perhubungan Awam dan Korporat, UKM
  - Dekan  
Fakulti Pengajian Islam, UKM
  - Pengarah  
Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA),  
UKM
  - Dekan  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,UKM
  - Ketua Pustakawan  
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM
  - Pengerusi  
Pusat Pengajian Sains Matematik,  
Fakulti Sains Dan Teknologi, UKM
  - Pengerusi  
Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam,  
Fakulti Sains Dan Teknologi, UKM
  - Pengetua,  
Kolej Aminudin Baki, UKM
  - Dekan  
Fakulti Ekonomi Dan Perniagaan, UKM
  - Dekan  
Fakulti Sains Dan Teknologi, UKM
  - Pengerusi  
Pusat Pengajian Fizik Gunaan,  
Fakulti Sains Dan Teknologi, UKM
  - Pengerusi  
Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan,  
Fakulti Sains Dan Teknologi, UKM



**Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006**  
*Winner of Prime Minister's Quality Award 2006*